



BERKONGSI KEGEMBIRAAN... Jainab (dua kiri) dan Harun (kiri sekali) berkongsi kegembiraan dengan kejayaan atlet UMS.

NST 4.2.2014 9


KOTA KINABALU: Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah nyata gembira dengan kejayaan yang dilakar oleh sembilan atlet yang terdiri daripada pelajar Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS), UMS yang mencatat nama dalam Malaysia Book of Records (MBoR) bagi kategori "The Longest Distance of Run on a Treadmill by a Group".

Sembilan atlet tersebut berjaya melakar larian sejauh 2,299.42 km dalam masa 264 jam iaitu selama 11 hari bermula pada 20 Januari dan berakhir 31 Januari di 1Borneo Hypermall, Kota Kinabalu.

"Sesungguhnya, pencapaian yang sangat membanggakan ini menjadi hadiah istimewa sempena sambutan 20 tahun penubuhan UMS pada tahun ini," kata Datuk Harun yang turut memuji kesungguhan atlet merealisasikan impian mencatat nama dalam MBoR.

"Rekod yang dicipta pada hari ini telah menaikkan nama Universiti Malaysia Sabah khususnya dan Sabah amnya," tegas Harun yang turut menerima sijil Malaysia Book of Records yang diserahkan oleh wakilnya iaitu Nurul Huda Zakaria.

Beliau turut menggalakkan warga Malaysia khususnya pelajar UMS agar terus



CIPTA REKOD... Sembilan pelari Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, UMS mengharumkan nama UMS dan Sabah dengan catatan rekod baru.

Catat nama dalam Malaysia Book of Record, hadiyah istimewa UMS, kata Naib Canselor

mencipta nama di peringkat antarabangsa dalam aktiviti sihat seperti sukan.

"Program sebegini menjadi satu medium untuk menguji semangat juang dan keazaman pemuda-pemudi negara yang bakal meneruskan perjuangan pembangunan negara Malaysia yang kita cintai."

Tambah Harun lagi, beliau turut berterima kasih kepada semua petugas, penaja dan Rakan Media UMS yang turut sama membantu melancarkan program ini dan membantu mempromosikan program ini kepada masyarakat umum.

"Berilah semangat, doronglah diri men-

capai kejayaan dan buktikan bahawasanya warga UMS mampu menggapai kejayaan yang gemilang!" tegas Harun sebelum mengakhiri ucapannya.

Hadir sama pada majlis itu Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Jainab Ahmad.